

## **HUBUNGAN KEMAHIRAN DAN KESEDIAAN GURU TERHADAP AMALAN PEDAGOGI RESPONSIF BUDAYA DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM**

Abdul Said Ambotang<sup>1</sup>, Nur Kholisatun Budi<sup>1</sup> & Syharul Nizam Salam<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, <sup>2</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.  
E-mel: said@ums.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.51200/kitab.v1i1.5202>

### **ABSTRAK**

Kajian kuantitatif jenis tinjauan ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara kemahiran guru dan kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap amalan pedagogi responsif budaya di sekolah daerah Lahad Datu, Sabah. Seramai 99 orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah di daerah Lahad Datu terpilih sebagai responden kajian. Proses pengumpulan data adalah menggunakan borang soal selidik yang mengandungi 25 item. Statistik deskriptif dan statistik inferensi digunakan untuk menganalisis data menggunakan *The Statistical Package for the Social Science*. Nilai Alpha Cronbach bagi soal selidik kemahiran guru dan kesediaan guru masing-masing ialah 0.94 dan 0.92 dan amalan pedagogi responsif budaya ialah 0.96. Hasil kajian secara statistik deskriptif mendapati bahawa kemahiran guru dan kesediaan guru pada tahap yang tinggi. Bahkan amalan pedagogi responsif budaya juga pada tahap yang tinggi iaitu masing-masing dengan nilai min 4.385 (SP=0.582) bagi aspek kemahiran guru, 4.392 (SP=0.523) bagi aspek kesediaan guru dan amalan pedagogi responsif budaya mencatatkan nilai min 4.364 (SP=0.547). Selain itu, hasil ujian-t mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pedagogi responsif budaya dalam kalangan guru berdasarkan jantina ( $t=0.894$ , tahap signifikan=0.974, aras signifikan  $p<0.05$ ). Keputusan ujian ANOVA sehala menunjukkan tidak terdapat perbezaan amalan pedagogi responsif budaya berdasarkan opsyen ( $F=1.79$ ,  $P=.139$ ). Hasil ujian kolerasi Pearson Moment mendapati bahawa kedua-dua pemboleh ubah iaitu kemahiran guru dan kesediaan guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan pedagogi responsif budaya. Terdapat hubungan yang kuat dan signifikan antara kemahiran guru ( $r=.82$ ,  $p<0.05$ ) dan kesediaan guru ( $r=.71$ ,  $p<0.05$ ) dengan amalan pedagogi responsif budaya. Hal ini menunjukkan bahawa guru pendidikan Islam mempunyai kemahiran dan kesediaan yang baik dapat melaksanakan amalan pedagogi responsif budaya dalam pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.

**Kata kunci:** Kemahiran, Kesediaan, Amalan Pedagogi Responsif Budaya, Guru Pendidikan Islam

### **ABSTRACT**

This quantitative survey type study aims to examine the relationship between teacher skills and the readiness of Islamic Education teachers towards culturally responsive pedagogical practices in schools in the district of Lahad Datu, Sabah. A total of 99 primary school Islamic Education teachers in Lahad Datu district were selected as study respondents. The data collection process is using a questionnaire that contains 25 items. Descriptive statistics and inferential statistics were used to analyze the data

using The Statistical Package for the Social Science. Alpha Cronbach for the questionnaire of teacher skills and teacher readiness are 0.94 and 0.92 respectively and culturally responsive pedagogical practice is 0.96. The results of the descriptive statistical study found that teacher skills and teacher readiness are at a high level. In fact, culturally responsive pedagogy practices are also at a high level, each with a mean value of 4.385 (SP=0.582) for the teacher's skill aspect, 4.392 (SP=0.523) for the teacher's readiness aspect and culturally responsive pedagogy practices recorded a mean value of 4.364 (SP= 0.547). In addition, the results of the t-test found that there is no significant difference between culturally responsive pedagogical practices among teachers based on gender ( $t=0.894$ , significance level=0.974, significance level  $p<0.05$ ). The results of the one-way ANOVA test show that there is no difference in culturally responsive pedagogical practices based on the option ( $F=1.79$ ,  $P=.139$ ). The results of the Pearson Moment correlation test found that both variables namely teacher skills and teacher readiness have a significant relationship with culturally responsive pedagogical practices. There is a strong and significant relationship between teacher skills ( $r=.82$ ,  $p<0.05$ ) and teacher readiness ( $r=.71$ ,  $p<0.05$ ) with culturally responsive pedagogical practices. This shows that Islamic education teachers have good skills and willingness to implement culturally responsive pedagogical practices in teaching and learning effectively.

**Keywords:** Skills, Readiness, Culturally Responsive Pedagogical Practices, Islamic Education Teachers

## **PENGENALAN**

Pedagogi responsif budaya dikatakan sebagai satu pendekatan yang berupaya mengatasi cabaran dalam mendidik golongan murid yang kepelbagaian budaya kerana ia dapat memfokuskan pendidik terhadap variasi dalam pengamalan budaya bagi setiap kumpulan etnik (Ahmad & Yusof, 2015). Pedagogi responsif budaya merupakan suatu pengajaran yang efektif dalam mengurangkan jurang prestasi pencapaian dan mempromosi identiti etnik yang positif untuk pelbagai kaum (Dickson, Chun & Fernandez, 2015). Satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menghubungkan pengalaman kehidupan, pengetahuan budaya, gaya persembahan yang berlainan mengikut perbezaan etnik murid. Pendekatan ini menekankan pembelajaran berpusatkan murid dan memahami kepentingan budaya murid dalam proses pembelajaran. Pendekatan pedagogi responsif budaya merupakan pedagogi yang dapat menyedari perbezaan pelajar, mengesahkan budaya pelajar dan menegaskan bahawa amalan pengajaran yang kesesuaian dapat meningkatkan kejayaan pelajar di sekolah (Ragoonaden, 2017).

Pengaplikasian pedagogi responsif budaya membolehkan guru menyediakan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh pelajar dalam proses pembelajaran. Selain itu, pelaksanaan pedagogi responsif budaya dalam pengajaran juga membantu guru untuk menilai perkembangan pelajar dan arahan yang disampaikan kepada pelajar juga lebih berkesan (Normazidah, 2012). Kesesuaian tajuk pembelajaran dengan budaya pelajar akan mendorong pelajar untuk terlibat dalam pembelajaran. Guru lebih mengenali dan memahami perbezaan pelajar yang kepelbagaian budaya di samping meningkatkan pencapaian pelajar melalui pelaksanaan pedagogi responsif budaya (Melchior, 2005). Guru yang mengaplikasikan pedagogi responsif budaya juga berupaya membentuk pengetahuan asas tentang kepelbagaian budaya pelajar dengan berkesan yang mana pelajar mampu menguasai subjek pengetahuan dengan mudah.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Seiring dengan kemajuan teknologi, ledakan sumber maklumat dan juga proses globalisasi yang berlaku secara pantas, guru berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam memastikan proses pengajaran mereka mampu untuk menyediakan pelajar menghadapi dunia pada masa hadapan. Perubahan yang signifikan dalam landskap pendidikan menuntut guru untuk melakukan transformasi yang sewajarnya terhadap proses pengajaran mereka. Namun begitu, agenda yang penting dan berterusan yang diperjuangkan oleh pakar pendidikan negara demi menjamin pembangunan negara Malaysia yang mampan adalah dengan menggalakkan dan mengekalkan integrasi antara kaum. Institusi pendidikan seperti sekolah mahupun institusi pengajian tinggi dipertanggungjawabkan untuk menerajui usaha untuk mengekalkan keharmonian kaum dan pendidik merupakan individu yang diamanahkan melaksanakan hasrat ini (Ezhar & Madiha 2015). Pengetahuan dan kefahaman mengenai kepelbagaian budaya adalah sangat penting kerana ia dapat membantu untuk mengekalkan perpaduan dan kestabilan dalam masyarakat (Abdul Rahim, 2009). Dalam konteks ini, Seman et al. (2016) mencadangkan satu cara yang terbaik untuk memastikan semua masyarakat memahami dan menghormati satu sama lain adalah melalui pendidikan.

Sejajar dengan pandangan ini, aspirasi sistem pendidikan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) turut memberi perhatian yang serius kepada keperluan untuk meraikan kepelbagaian budaya yang wujud di sekolah. Melalui aspirasi ini, sistem pendidikan kebangsaan disaran untuk menawarkan perkongsian pengalaman, adat budaya dan juga nilai kepada para pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum melalui pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Aspirasi yang dihasratkan ini diharapkan mampu untuk membentuk satu identiti nasional yang kukuh melalui penghayatan prinsip Rukun Negara yang diperlukan untuk kejayaan dan masa depan Malaysia. Selain itu, aspirasi sistem yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) turut berhasrat untuk menjadikan setiap pelajar berasa bangga dikenali sebagai rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan tahap sosio ekonomi.

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2014), identiti nasional hanya dapat dicapai sekiranya pelajar dapat memahami, menerima dan menghayati kepelbagaian budaya yang wujud. Justeru, bagi mencapai matlamat ini, sistem pendidikan negara memerlukan guru khususnya guru Pendidikan Islam yang mempunyai pengetahuan luas, tahap kesedaran yang tinggi dan juga kemahiran yang efektif untuk menjadikan mereka sensitif terhadap latar belakang pelajar yang berbeza. Pengetahuan, tahap kesedaran dan juga tahap kemahiran yang baik tentang pedagogi responsif budaya membolehkan guru untuk berhadapan dan juga menangani masalah yang wujud antara kaum melalui pendidikan yang memenuhi keperluan setiap individu (Yasmin 2014).

Najeemah (2006), menjelaskan meskipun guru Malaysia berada dalam persekitaran persekolahan yang terdiri daripada pelbagai budaya, namun beliau melaporkan bahawa kebanyakan guru masih kurang peka terhadap kewujudan kepelbagaian budaya di sekolah. Tambah Najeemah (2006) lagi, pendekatan pedagogi responsif budaya sering dianggap asing oleh guru kerana kurangnya pendedahan terhadap pendekatan pedagogi responsif budaya baik di institusi pendidikan guru mahupun semasa latihan profesionalisme keguruan. Sebagai contoh, Siti Zuraida et al. (2016) yang meneroka pengalaman guru menggunakan pedagogi responsif budaya dalam mata pelajaran Pendidikan Seni melaporkan tahap kesedaran dan kesediaan guru tentang pedagogi responsif budaya masih lagi terhad.

Dalam satu lagi kajian Najeemah (2005), turut melaporkan guru di Malaysia kurang mempraktikkan pedagogi responsif budaya semasa pengajaran di bilik darjah. Tambah Najeemah (2015) lagi, terdapat empat perkara yang menyebabkan guru yang terlibat dalam kajian beliau kurang mempraktikkan pedagogi responsif budaya di sekolah antaranya adalah: i) mereka tidak mengetahui dan tidak memahami apa yang dikatakan sebagai pedagogi responsif budaya; ii) mereka tidak mempunyai kemahiran dan tidak mengetahui bagaimana untuk menggunakan pendekatan pedagogi responsif budaya secara berkesan; iii) mereka tidak mendapat galakan motivasi daripada pihak pentadbir sekolah untuk belajar tentang pendekatan pedagogi responsif budaya; iv) mereka kurang kesedaran terhadap tanggung jawab mereka untuk memastikan aspek budaya dititikberatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran formal di bilik darjah.

Namun begitu, pendekatan ini semakin mendapat perhatian sejak kebelakangan ini kerana ianya berpotensi untuk merealisasikan matlamat pendidikan berkualiti untuk semua. Bagi memastikan hasrat untuk melaksanakan pedagogi responsif budaya secara berkesan dan diterima oleh semua guru, Syed Ismail (2010) mencadangkan beberapa tindakan kritikal yang harus dijalankan, antaranya adalah memastikan aspek pembangunan profesional guru ditambahbaik dengan memasukkan aspek pedagogi responsif budaya, pembangunan kerangka kurikulum yang fleksibel dan responsif terhadap budaya tempatan, menyenaraikan pelbagai strategi pedagogi responsif budaya yang dapat diamalkan oleh guru, membangunkan bahan bantu pengajaran, buku teks dan buku rujukan serta proses penilaian yang responsif kepada budaya.

Ahmad (2014), turut menegaskan bahawa meskipun kajian berkaitan pedagogi responsif budaya kerap dijalankan, kajian yang dijalankan hanya menjurus kepada pemupukan perpaduan dan hubungan antara etnik. Oleh itu, ini jelas menunjukkan kajian yang lebih mendalam harus dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran dan juga kesediaan guru terhadap pedagogi responsif budaya agar ia dapat dijadikan panduan kepada proses pembangunan kurikulum pendidikan guru yang lebih komprehensif. Dengan menyedari potensi pedagogi responsif budaya untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada semua, kajian ini dijalankan untuk meneroka pelaksanaan pendekatan pedagogi responsif budaya dari perspektif guru Pendidikan Islam dalam menyemai kesamarataan peluang pendidikan berkualiti kepada semua pelajar tanpa mengira latar belakang dan taraf sosio-ekonomi mereka.

## **PERNYATAAN MASALAH KAJIAN**

Dalam kajian Kotluk et al., (2019), mendapati guru yang mengajar subjek Agama dan Bahasa Luar Negara lebih sedar tentang Pedagogi Responsif Budaya. Guru yang kurang pengalaman mengajar menghadapi cabaran dalam mengimplikasikan Pedagogi Responsif Budaya semasa pengajaran dan pemudahcara (PdPc) berlangsung. Faktor masalah politik dalaman yang berlaku dalam negara Turkey turut mempengaruhi Pedagogi Responsif Budaya. Guru berpendapat bahawa mereka tidak dapat menyampaikan unsur Pedagogi Responsif Budaya dalam PdPc disebabkan oleh kurangnya ilmu tentang budaya, agama dan etnik kaum lain.

Berdasarkan hasil kajian Black & Wiliam (2018) dalam kajiannya, ilmu dan pengetahuan guru yang kurang terhadap sesuatu budaya yang berlainan turut mengganggu pelaksanaan Pedagogi Responsif Budaya dalam bilik darjah. Hal ini, boleh mewujudkan sensitiviti dalam kalangan murid yang berlainan bangsa, agama dan

budaya. Dari segi cabaran guru dalam pelaksanaan Pedagogi Responsif Budaya dalam bilik darjah, penyelidik mendapati bahawa tiada kurikulum yang terancang untuk guru menjadi rujukan semasa mengajar Pedagogi Responsif Budaya. Tambahan pula, guru mendapati bahawa murid dari budaya yang berlainan tidak perlu bimbang kerana mereka berbeza. Setiap insan berbeza dari segi ciptaan manusia dan itu ialah semula jadi. Oleh itu, para guru harus sedar tentang hal ini (Karatas et al.,2015).

Dalam kajian Phuntsog (2010), guru mengalami pelbagai cabaran dalam pelaksanaan Pedagogi Responsif Budaya. Antaranya, kurang pendedahan terhadap Pedagogi Responsif Budaya. Selain itu, pengajaran Pedagogi Responsif Budaya boleh melahirkan isu sensitiviti dalam kalangan murid “Black” di Amerika. Menurut Misco,T. (2018), kurikulum untuk Pedagogi Responsif Budaya harus diubahsuai dengan teratur. Hal ini memudahkan guru menjalankan PdPc dengan terbaik. Kebanyakan guru menghadapi masalah kekangan masa untuk membuat perancangan PdPc untuk Pedagogi Responsif Budaya.

Berdasarkan kajian Mette et al., (2016), latihan untuk mempelbagaikan aktiviti Pedagogi Responsif Budaya perlu diberi agar guru dapat input yang secukupnya. Guru menghadapi cabaran dalam mendapat sokongan yang penuh untuk menjalankan Pedagogi Responsif Budaya dalam bilik darjah. Di samping itu, kurang pengalaman tentang pelbagai budaya, perubahan dalam politik, sumber pengajaran yang kurang menjadi penghalang kepada kejayaan Pedagogi Responsif Budaya (Blanchet-Cohen et al.,2015).

Menurut Yasmin (2014), aspek kompetensi kepelbagaian budaya iaitu pengetahuan, kemahiran, sikap dan kesedaran terhadap kepelbagaian budaya berdasarkan jantina dan etnik guru telah menunjukkan perbezaan yang signifikan. Sikap guru terhadap pelajar mempengaruhi pengalaman pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar (Koyama, Plash & Davis, 2011). Hal ini dikatakan sedemikian kerana perhubungan antara guru dengan pelajar dipengaruhi oleh sikap guru terhadap pelajar. Guru yang responsif budaya dapat menunjukkan keprihatinan dan membina perhubungan dengan pelajar kepelbagaian budaya. Menurut Olson & Rao (2016), guru yang berhubung dengan budaya dan komuniti pelajar mampu memberi kesan kepada kesediaan guru menjadi pendidik yang responsif budaya. Jadi, guru yang responsif budaya berupaya berkomunikasi dengan pelajar yang pelbagai etnik dengan berkesan.

Kajian mengenai pengalaman terhadap kesediaan guru dalam melaksanakan pedagogi responsif budaya juga ditemui dalam kajian lepas. Kajian Olson & Rao (2016) telah meneroka perspektif guru tentang pengalaman klinikal mempengaruhi kesediaan guru menjadi pendidik yang responsif budaya. Manakala, didapati bahawa pedagogi responsif budaya kurang diamalkan oleh guru dalam pengajaran (Muhammad Zakwan, Nasri & Mohamad Asyraf, 2020). Kajian Yasmin & Najeemah (2016) juga membuktikan bahawa guru-guru kurang mempraktikkan pedagogi responsif budaya dalam pengajaran. Kajian berkenaan dengan pedagogi responsif budaya banyak ditemui dalam mata pelajaran Pendidikan Seni dan Matematik. Penerapan pedagogi responsif budaya oleh guru dalam pengajaran Matematik telah dikaji bagi melihat kesan intervensi terhadap pencapaian Matematik pelajar (Gamlem et al.,2019).

Menurut Muhammad Zakwan, Nasri & Mohamad Asyraf (2020), situasi kepelbagaian pelajar jelas diperlihatkan di sekolah kebangsaan. Namun begitu, pada masa kini semakin banyak pelajar Melayu menerima pendidikan di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang melaporkan bahawa terdapat 9 peratus pelajar Melayu menuntut pendidikan di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Peningkatan

peratusan pelajar Melayu di sekolah rendah jenis kebangsaan telah membuktikan bahawa kepelbagaian pelajar di sekolah memerlukan guru mengamalkan pedagogi responsif budaya dalam pengajaran bagi membolehkan pelajar kepelbagaian budaya dapat menghayati budaya pelajar lain yang wujud dalam kelas.

Dalam konteks kajian ini, penyelidik mendapati 12 daripada 34 orang guru di sekolah sahaja yang mengaplikasikan pedagogi responsif budaya dalam PdPc. Hal yang demikian kerana, guru kurang diberikan pendedahan berkaitan dengan amalan pedagogi responsif budaya yang perlu diaplikasikan dalam bilik darjah. Kajian berkaitan dengan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru Pendidikan Islam yang dijalankan oleh penyelidik, Yasmin (2014) telah menunjukkan tahap yang sederhana. Kajian Omar et.al (2017) juga menyatakan guru kurang pengalaman mengajar dalam pelaksanaan pedagogi responsif budaya dalam pengajaran. Menurut Nor Hadibah et.al (2020) dalam kajiannya terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan pedagogi responsif budaya masih kurang. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian yang mengenai hubungan kemahiran guru dan kesediaan guru terhadap amalan pedagogi responsif budaya dalam kalangan guru Pendidikan Islam harus dijalankan untuk mengetahui sejauh mana amalan pedagogi responsif budaya diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif khusus kajian ini adalah bertujuan untuk:

- 1) Mengetahui hubungan kemahiran guru dengan amalan pedagogi responsif budaya dalam kalangan guru Pendidikan Islam.
- 2) Mengetahui hubungan kesediaan guru dengan amalan pedagogi responsif budaya dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk mencari peratusan berdasarkan faktor demografi responden seperti jantina dan opsyen. Perisian Statistik SPSS ini digunakan untuk memproses data yang dikumpul untuk membuat kesimpulan mengenai data numerikal.

Perisian yang sama juga digunakan untuk ujian statistik inferensi yang digunakan untuk menghuraikan perhubungan antara pembolehubah. Bukan itu sahaja, ujian statistik ini juga digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri sampel yang dipilih daripada populasi kajian.

## **DAPATAN KAJIAN**

**Hubungan antara Kemahiran Guru Pendidikan Islam Amalan Pedagogi Responsif Budaya**

Berdasarkan Jadual 1, hasil analisis inter-kolerasi di atas menunjukkan kolerasi yang tinggi dan perkaitan yang kuat antara amalan pedagogi responsif budaya dan kemahiran guru ( $r=.82$ ,  $p<0.05$ ). Secara keseluruhan menunjukkan kolerasi yang kuat antara kemahiran guru dan amalan pedagogi responsif budaya. Kolerasi tersebut adalah positif.

### **Hubungan antara Kesediaan Guru Pendidikan Islam dengan Amalan Pedagogi Responsif Budaya**

Berdasarkan Jadual 2, hasil analisis inter-kolerasi di atas menunjukkan kolerasi yang tinggi dan perkaitan yang kuat antara amalan pedagogi responsif budaya dan kemahiran guru ( $r=.711$ ,  $p<0.05$ ). Kolerasi adalah positif dan signifikan pada  $p<0.05$ .

### **Rumusan Hubungan Pemboleh Ubah Bebas (IV) dengan Amalan Pedagogi Responsif Budaya (DV)**

Penyelidik menolak kedua-dua hipotesis nol dan melaporkan bahawa secara keseluruhan, kedua-dua pemboleh ubah iaitu kemahiran guru dan kesediaan guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan pedagogi responsif budaya. Rumusan bagi hubungan antara kemahiran guru dan kesediaan guru dengan amalan pedagogi responsif budaya adalah seperti Jadual 3.

## **PERBINCANGAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa kesediaan guru dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap amalan pedagogi responsif budaya adalah pada tahap yang tinggi. Guru Pendidikan Islam sekolah rendah didapati mempunyai kesediaan dan kemahiran dalam mengaplikasikan pedagogi responsif budaya. Dengan tahap kesediaan guru yang tinggi terhadap mengaplikasikan pedagogi responsif budaya, sudah semestinya dapat membantu guru untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan khususnya bagi bilik darjah yang terdiri daripada kepelbagaian budaya pelajar. Pendekatan pedagogi responsif budaya berpotensi untuk meningkatkan kefahaman dan pencapaian akademik pelajar disebabkan guru telah berjaya menguasai dan mengaplikasikan pedagogi ini dalam pengajaran. Kesediaan guru dan kemahiran yang dimiliki dalam menguasai pengetahuan dan sikap yang baik amat penting agar pendekatan yang bersesuaian dengan pengajaran pelajar dapat menunjukkan keberkesanan.

## **KESIMPULAN**

Kejayaan pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran banyak bergantung pada tahap keupayaan yang dimiliki oleh seseorang guru kerana guru merupakan pengamal ilmu yang berperanan menyampaikan ilmu kepada pelajar. Justeru, guru-guru perlu mempunyai kefahaman yang mendalam terhadap pendekatan pedagogi responsif budaya supaya guru dapat menerapkan pendekatan tersebut dengan efektif. Secara ringkasnya, penyelidikan ini dapat memberikan maklumat yang jelas tentang tahap kebolehan guru terhadap mengaplikasikan pedagogi responsif budaya dalam

pengajaran serta memberikan gambaran kepada para pihak tentang hubungan antara pengalaman mengajar dengan tahap kebolehan pengajaran guru dalam melaksanakan pedagogi resposif budaya.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Ramli. (2009). *Hubungan Kaum di Malaysia: Sejarah dan Asas Perpaduan*. Selangor: Pusat Penerbitan Universiti UiTM.
- Ahmad, Y., & Yusof, N. M. (2017). Kompetensi Kepelbagaian Budaya Dalam Kalangan Guru Pelbagai Etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(2), 1-13.
- Ahmad Ali Seman. (2014). Pemupukan Patriotisme Melalui Pendidikan Multikultural dalam Pendidikan Sejarah di Malaysia: Satu Tinjauan Perspektif. *Jurnal Ilmu- Ilmu Sejarah, Budaya dan Sosial (LENTERA)* 1 (02) 28-49.
- Anuar Ahmad & Nelson Jingga. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 3(2), 1-11.
- Black, P., & Wiliam, D. (2018). Classroom assessment and pedagogy. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 25 (6), 551-575.
- Blanchet-Cohen, N. (2015). Indigenous children's rights: Opportunities in Appropriation and Transformation. In W. Vandenhoe, E. Desmet, D. Reynaert, & S. Lembrechts (Eds). *Routledge International Handbook Children's rights studies* pp.371-386). London: Routledge.
- Dickson, G. L., Chun, H., & Fernandez, I. T. (2015). The development and initial validation of the student measure of culturally responsive teaching. *Assessment for Effective Intervention*, 41, 141-154.
- Ezhar Tamam & Madiha Hashmi (2015): Predicting interethnic bridging social capital in youth ethnic-diversity engagement: the role of interethnic interaction and intercultural sensitivity, *International Journal of Adolescence and Youth*. 4, 12-26.
- Gamlem, S.M, Kvinge, L.M, Smith, K & Engelsen, K. S (2019). Developing teachers' responsive pedagogy in mathematics, does it lead to short-term effects on student learning? *Cogent*(1), 1-18.
- Gutierrez, Kris & Rogoff, Barbara. (2003). Cultural ways of learning. *Educational Researcher*. 32. 19-25.
- Karataş, K. & Oral, B. (2015). Teachers' perceptions on culturally responsiveness in education. *Journal of Ethnic and Cultural Studies*, 2 (2), 47-57.
- Kotluk, N. & Kocakaya, S. (2019). Teachers' Views about Culturally Relevant Education in Turkey: A Mixed Methods Study. *Sakarya University Journal of Education*, 9 (2) , 304-334
- Koyama, C., Plash, S., & Davis, K. (2011-2012). Comparing cross-cultural multicultural self-awareness among K-12 in-service school teachers. *SRATE Journal*. 21(1), 29-36.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2014). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya.
- Misco, T. (2018). Culturally Responsive Curriculum and Pedagogy in the Commonwealth of the Northern Mariana Islands. *International Journal of Multicultural Education*, 20(2), 81-100.
- Melchior, E. 2005. If you can walk you can dance. How generalist primary teachers develop confidence and competence to teach dance. MEd Thesis, Victoria University of Wellington, New Zealand



- Mette, Ian M.; Nieuwenhuizen, Lisa; Hvidston, David J. (2016) Teachers' Perceptions of Culturally Responsive Pedagogy and the Impact on Leadership preparation: Lessons for Future Reform Efforts *International Journal of Educational Leadership Preparation*,
- Muhammad Zakwan Abdul Rahim, Nurfaradilla Mohamad Nasri & Mohamad Asyraf Abd Talib. (2020). Pedagogi responsif budaya: kesedaran, pengetahuan dan kesediaan guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45(1), 25-34.
- Najeemah Mohd Yusof. (2006). Patterns of social interaction between different ethnic groups in Malaysian Secondary schools. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. 21,149-166
- Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Osman & Anida Sarudin (2020). Hubungan antara lokasi sekolah rendah dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan amalan pengajaran mereka. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(2), 1-14
- Normazidah Mahmood. (2012). *Penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru peringkat sekolah rendah: Satu penilaian*. Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya.
- Olson, J. D., & Rao, A. B. (2016). Becoming a Culturally Responsive Teacher: The Impact of Clinical Experiences in Urban Schools. *Journal of Urban Learning, Teaching, and Research*, 12, 133-141.
- Omar, N., & Noh, M. A. C. (2017). Kepelbagaian elemen budaya dalam pengajaran pendidikan islam: isu dan kepentingan. *O-JIE Online Journal of Islamic Education*, 3, 1-11.
- Ragoonaden, Karen; Mueller, Lyle (2017) Culturally Responsive Pedagogy: *Indigenizing Curriculum Canadian Journal of Higher Education*, 47(2), 22-46
- Phuntsog, N. (2010). Culturally responsive teaching: What do selected United States elementary school teachers think? *Intercultural Education*, 12(1), 51-64.
- Seman, A. A., Ahmad, A. R., Rahman, A. A. A., & Kimi, W. B. (2016). Peranan Gurudan Pelajar Dalam Membentuk Hubungan Etnik Di Sekolah. *In Proceeding 7th International Seminar on Regional Education* (Vol. 1, pp. 64-78).
- Siti Zuraida Maaruf, Muhamad Azhar Abdullah, Saedah Siraj & Voviana Zulkifli. (2016). *Culturally Responsif Pedagogy: Experience in the Visual Art Education* ~~Asson~~ dalam Fook C., Sidhu G., Narasuman S., Fong L., Abdul Rahman Strauss, A., & Corbin, J. (1994). *Grounded theory methodology*. Handbook of qualitative research, 17, 273-85.
- Syed Ismail Syed Mustapha, & Ahmad Subki Maskom. (2010). *Budaya dan pembelajaran*. Puchong, Malaysia: Penerbitan Multimedia.
- Yasmin Ahmad (2014). *Sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru pelbagai etnik di Malaysia*. Tesis PhD. Universiti Sains Malaysia.
- Yasmin Ahmad dan Najeemah (2016). Sensitiviti Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Guru Pelbagai Etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1), 7.

**LAMPIRAN**

**A: Jadual 1: Kolerasi Pearson Kemahiran Guru dengan Amalan Pedagogi Responsif Budaya**

		Kemahiran Guru
Amalan Pedagogi Responsif Budaya	Kolerasi Pearson	.816**
	Sig. (2-hujung)	.000
	N	99

n=99

\*\* Aras signifikan pada aras keertian  $p < 0.01$  (2-hujung)

**B: Jadual 2: Kolerasi Pearson Kesianaan Guru dengan Amalan Pedagogi Responsif Budaya**

		Kesianaan Guru
Amalan Pedagogi Responsif Budaya	Kolerasi Pearson	.711
	Sig. (2-hujung)	.000
	N	99

n=99

\*\* Aras signifikan pada aras keertian  $p < 0.01$  (2-hujung)

**C: Jadual 3: Rumusan Hubungan antara Kemahiran Guru dan Kesianaan Guru dengan Amalan Pedagogi Responsif Budaya**

Pemboleh Ubah	Kolerasi	Tahap Hubungan
Kemahiran Guru	$r = .82, p < 0.05$	Kuat
Kesianaan Guru	$r = .71, p < 0.05$	Kuat